

27/11/2000

Isu Tabung Haji beli saham MAS selesai

KULIM, Ahad - Pembangkang digesa berhenti memainkan isu pengambilalihan saham kawalan Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajuddin Ramli oleh Lembaga Tabung Haji kerana ia sudah selesai, kata Penasihat Kementerian Kewangan, Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, kerajaan sudah membuat keputusan Tabung Haji tidak akan mengambil alih syarikat penerbangan utama negara itu.

"Isu sudah selesai dan Tabung Haji tidak patut terbabit dalam syarikat penerbangan. Itu keputusan kerajaan. Jadi pembangkang tidak perlu membangkitkan isu itu," katanya ketika ditemui Berita Harian selepas mendengar taklimat petugas bilik gerakan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas di Kampung Naga Lilit, di sini, semalam.

Turut hadir Exco Kerajaan Negeri yang juga Ketua Wanita Umno Kedah, Rosnah Majid dan Bendahari Umno Bahagian Merbok, Datuk Man Mat. Bilik gerakan itu dikendalikan bersama Wanita Umno Bahagian Merbok dan Wanita Umno Kelantan.

Mustapa mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Khamis lalu, yang menafikan kemungkinan Tabung Haji membeli saham berkenaan.

Perdana Menteri berkata, Tabung Haji hanya menggunakan perkhidmatan MAS dan tidak akan membeli pesawat kerana ia bukan pengendali syarikat penerbangan.

Mustapa berkata, tumpuan Tabung Haji adalah pengurusan simpanan dan berniaga dalam bidang yang mempunyai kepakaran seperti perladangan kelapa sawit dan hartanah.

"Penerbangan bukan bidang kepakaran Tabung Haji kerana ia tidak mempunyai pengalaman. Oleh itu kerajaan sudah membuat keputusan," katanya.

Sebelum ini, Tabung Haji dilaporkan menyatakan kesediaan menimbang mengambil alih saham kawalan MAS.

Hasrat itu timbul selepas Perdana Menteri mengesahkan kerajaan sedang berbincang untuk membeli saham Tajuddin yang menguasai 29.09 peratus pegangan dalam MAS menerusi syarikat dikuasainya, Naluri Bhd.

Isu berkenaan mendapat perhatian pembangkang dalam kempen pilihan raya kecil DUN Lunas, di sini.

Ketika berceramah di Taman Tunku Putra, di sini, kelmarin, Ketua Pemuda Keadilan, Mohamed Ezam Mohd Noor menyifatkan langkah Tabung Haji membeli saham sebagai usaha kerajaan menyelamatkan Tajuddin dan bukannya untuk kepentingan negara.

Mustapa berkata, pembangkang tidak perlu menimbulkan isu itu dan mereka perlu 'tutup mulut' dan tidak timbul pembabitan Tabung Haji dalam pembelian saham berkenaan.

(END)